

06/07/1999

Majlis pelbagai agama teruskan rundingan

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh akan meneruskan rundingan secara terbuka bagi menyelesaikan sebarang masalah dan isu sensitif.

Serentak itu, Setiausaha Agungnya, R Thiagaraja, mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat dan negeri yang berjaya menyelesaikan isu membabitkan agama masyarakat bukan Islam.

"Negara ini aman tanpa menghadapi sebarang masalah agama seperti berlaku di negara jiran.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana kepimpinannya negara ini terus menjadi tempat selamat bagi masyarakat bukan Islam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) kerana mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai agama dan budaya.

Sehubungan itu, Thiagaraja mencadangkan supaya Pusat Islam mengadakan dialog mengenai undang-undang Syariah dan masyarakat bukan Islam yang memeluk Islam.

Sementara itu, Presiden majlis perundingan berkenaan, A Vaithilingam, meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengantung garis panduan dan undang-undang mengenai plan struktur yang diedarkan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

Menurutnya, peraturan mengenai pembinaan rumah ibadat bagi masyarakat bukan Islam yang diedarkan majlis itu sudah ditolak oleh majlis perundingan berkenaan pada 1982.

(END)